

Kokurikulum Meningkatkan *Kemahiran Berbahasa Pelajar*

Atan Long dalam bukunya *Psikologi Pendidikan* (1982) mengatakan bahawa sekolah ialah institusi masyarakat untuk membentuk dan mengubah tingkah laku manusia ke arah yang dikehendaki. Pandangan tersebut ternyata benar kerana di sekolah pelajar terdidik secara formal untuk menjadi individu yang berguna kepada masyarakat, bangsa, dan negara.

Bagi mencapai matlamat tersebut, pelajar bukan sahaja perlu mempelajari mata pelajaran tertentu tetapi juga dikehendaki melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum. Ibu bapa seharusnya memahami perkara ini dan perlu memberikan galakan kepada anak agar mereka tidak culas untuk mengikuti aktiviti kokurikulum di sekolah.

Secara umumnya, di sekolah pelajar dikehendaki menyertai satu kelab atau persatuan, misalnya Kelab Seni Lukis, Kelab Fotografi, Persatuan Bahasa

Melayu, Persatuan Sains dan Matematik, dan Persatuan Sejarah. Selain itu, pelajar juga perlu menyertai satu badan beruniform seperti Pengakap, Persatuan Bulan Sabit Merah, dan Pasukan Kadet Polis. Pihak sekolah menggunakan kaedah tertentu untuk memastikan bahawa tidak semua pelajar memilih persatuan atau kelab yang sama.

Penyertaan dalam aktiviti kokurikulum tidak kurang pentingnya bagi pembentukan jati diri pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana segelintir pelajar akan dipilih untuk memimpin



tuhan atau kelab. Pada ketika inilah bakat pimpinan pelajar akan diperkembang dan angahkan. Pelajar yang berkenaan akan ibing oleh guru penasihat untuk melaksanakan sebagai pemimpin, termasuklah cara uruskan persatuan, mengendalikan mesyuarat, sampaikan ucapan, dan seumpamanya yang a tidak langsung membantu pelajar yang enaan meningkatkan kemahiran berbahasa erusi pelbagai aktiviti yang dilaksanakan. ersatuan atau kelab akan membuat ncangan aktiviti masing-masing. Sehubungan an itu, setiap ahli digalakkan agar cadangkan aktiviti tertentu yang difikirkan asabah dan menarik berdasarkan kemampuan. Situasi ini secara tidak langsung mendorong jar menggunakan kreativiti masing-masing ik mencipta inovasi tertentu sebagai aktiviti atuan. Pada ketika ini jugalah ahli persatuan lakkan memberikan pandangan ke arah ambahbaikan sesuatu aktiviti yang akan ksanakan. Dengan perkataan lain, ahli akan ggunakan pengetahuan, pengalaman, dan ahiran masing-masing termasuklah kemahiran ahahasa untuk berbuat demikian. Setiap persatuan atau kelab juga boleh gadakan pelbagai aktiviti yang bersesuaian gan mereka. Langkah ini penting untuk nberikan peluang kepada lebih banyak ahli ibatkan diri secara aktif dalam persatuan. igan demikian, pengetahuan dan pengalaman a kemahiran tertentu, termasuklah kemahiran bahasa akan diperolehi oleh lebih banyak ahli. batan lebih banyak ahli dalam hal ini amat iting untuk memastikan kewujudan kokurikulum ekolah mencapai matlamatnya. Setelah keputusan dicapai, beberapa orang ahli satuan atau kelab akan dipertanggungjawabkan uk melaksanakannya. Perbincangan terus laku dari semasa ke semasa, terutama untuk ndapatkan maklumat dan bahan ataupun untuk ngatasi masalah sekiranya kebuntuan. Antara dakannya termasuklah membuat janji temu tuk mendapatkan bahan ataupun mengadakan nu bual dengan pihak yang berkaitan dengannya. ndek kata, tindakan tersebut merupakan usaha nbahan ke arah melahirkan pelajar yang rdisiplin, berkegiatan dan dapat meningkatkan mahiran berbahasa serta berkomunikasi secara ih berkesan.

Hasil aktiviti tersebut akan dipamerkan atau pertandingan pada hari tertentu, misalnya pada

Minggu Kokurikulum. Dengan demikian, pelajar yang berkenaan akan membuat persiapan tertentu untuk memberikan penerangan tentang hasil persatuan atau projek mereka kepada pengunjung. Selain memperkatakan pelbagai perkara yang berkaitan dengan projek yang dilakukan, pelajar yang berkenaan juga akan menjawab soalan para pengunjung. Bagi melaksanakan tugas tersebut, pelajar bukan sahaja membuat persediaan untuk memperkatakan pelbagai perkara tentang projek persatuan tetapi juga membuat persediaan tentang penggunaan bahasa yang betul dan bersopan di hadapan khalayak.

Aktiviti persatuan yang secara langsung memfokuskan kemahiran lisan pelajar adalah seperti pertandingan bercerita, pidato, forum remaja, dan perbahasan. Pertandingan berbalas pantun dan mendeklamasikan puisi pula turut menitikberatkan aspek gaya persembahan dan penghayatan, selain aspek bahasa, terutama diksi. Pelajar yang mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut akan mengemblem tenaga untuk mendapatkan idea yang bernas di samping membuat rujukan khusus untuk memilih kosa kata yang tepat dan puitis.

Selain mendalami aspek tatabahasa untuk mengelakkan kesalahan bahasa semasa berbicara, peserta juga perlu mempelajari gaya berpidato, berforum, dan berbahas. Ertinya, selain aspek tatabahasa, ahli yang terlibat juga perlu mempelajari aspek pragmatik untuk memastikan persembahan dan gaya pengucapan mereka menepati disiplin yang ditetapkan. Pendek kata, pelajar yang terpilih bukan sahaja beruntung kerana mereka dibimbing secara khusus untuk mencari maklumat tentang sesuatu isu, bahkan mereka turut diajar tentang penggunaan bahasa yang betul dari segi tatabahasa, laras bahasa, dan gaya bahasa. Pada masa yang sama, mereka juga turut diberikan penekanan tentang cara persembahan dan gaya yang berkesan.

Sebagai dokumen penting organisasi, ada dalam kalangan ahli yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan laporan tentang aktiviti atau projek persatuan. Bagi melaksanakannya, ahli yang berkenaan perlu mengadakan perbincangan serta mendapatkan pandangan daripada guru penasihat. Sesi perbincangan yang diadakan dari semasa ke semasa tersebut merupakan latihan dalam menghasilkan bahan dokumentasi yang baik termasuklah aspek bahasa. Kemahiran ini juga penting, khususnya untuk melahirkan insan yang dapat berkomunikasi dengan tepat, menarik, dan tidak tersasar dari aspek kesopanan dan kesusilaan.

SARI BAHASA

Meskipun tidak semua ahli dapat mengambil bahagian secara yang aktif, penyertaan pelajar dalam aktiviti tersebut sekurang-kurangnya dapat membiasakan mereka tentang cara hidup bermasyarakat. Kalaupun tidak semua ahli berkesempatan untuk menyuarakan pandangan atau cadangan dalam mesyuarat, bagi yang berfikir positif mereka dapat melihat rakan mereka berbuat demikian. Pada masa yang sama, mereka seharusnya memahami bahawa dalam mencari kata sepakat, pihak yang tewas dalam pemilihan seharusnya akur akan kehendak majoriti. Situasi ini secara tidak langsung membiasakan pelajar dengan amalan demokrasi di samping melihat cara berbahasa yang berkesan.

Selain aspek bahasa, komunikasi, dan pendokumentasian bahan, penerapan nilai murni pula berlaku secara tidak langsung melalui pelibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Hal ini dikatakan demikian kerana ketika berpersatuan inilah, nilai keberanian, kebertanggungjawaban, kasih sayang, bertolak ansur, dan nilai murni yang lain dapat diamalkan oleh pelajar. Misalnya, pelajar digalakkan agar berani menyuarakan pendapat, bertolak ansur dengan orang lain dan bertanggungjawab terhadap organisasi dan tugas.

Pelibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum juga dapat melahirkan pelajar yang berdisiplin, bijak memanfaatkan masa, dan lain-lain. Usaha yang dilakukan untuk menjayakan matlamat persatuan ternyata dapat membantu pelajar memahami pelajaran yang akan menjanjikan kecemerlangan untuk dirinya. Pengamalan nilai murni dalam persatuan tidak kurang pentingnya sebagai bekal untuk kehidupan bermasyarakat dalam jangka masa panjang.

Berdasarkan penjelasan tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa aktiviti kokurikulum di sekolah penting untuk melahirkan pelajar yang berdisiplin, berkeyakinan, bijak berbahasa, dan berupaya untuk berbicara dengan bahasa yang berperaturan, dan sentiasa berusaha untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran. Selain membantu pelajar memahami pelajaran, usaha sedemikian ternyata meningkatkan keberkesanan komunikasi pelajar. Kemahiran ini penting sebagai persediaan untuk mereka menjadi anggota masyarakat yang produktif, kalaupun tidak menjadi pemimpin negara.

Meskipun pelbagai kebaikan aktiviti kokurikulum dapat diperkatakan, situasi semasa masih lagi tidak menampakkan kejayaan. Kegagalan sesetengah pelajar berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan

“ Aktiviti kokurikulum di sekolah penting untuk melahirkan pelajar yang berdisiplin, berkeyakinan, bijak berbahasa, dan berupaya untuk berbicara dengan bahasa yang berperaturan, dan sentiasa berusaha untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran. **”**

betul merupakan bukti kenyataannya. Dalam beberapa sesi temu bual antara pihak media dengan pelajar, masih terdapat pelajar yang hanya mampu memperkatakan beberapa patah perkataan dalam bahasa Melayu dan dilanjutkan dengan bahasa Inggeris walaupun pertanyaannya dikemukakan dalam bahasa Melayu. Penggunaan bahasa rojak yang keterlaluan, termasuk dalam komunikasi ras sudah semacam menjadi kemestian. Mengapakah



Forum meningkatkan kemahiran berfikir dan berbahasa dalam kalangan pelajar.

keadaan ini berleluasa sedangkan penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah dikatakan dapat meningkatkan penguasaan pelajar dalam kemahiran lisan?

Antara puncanya termasuklah kegagalan pihak sekolah memastikan semua pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum seperti yang disyaratkan. Sesetengah pelajar mendaftarkan diri untuk menjadi ahli persatuan atau kelab semata-mata untuk membolehkan keahliannya itu dicatat dalam sijil amat persekolahan. Pelajar memberikan pelbagai alasan untuk tidak melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti tersebut. Sebagai akibatnya, pelajar yang berkenaan tidak mendapat sebarang faedah daripada penyertaan mereka dalam persatuan. Mereka menjauhkan diri daripada menyertai aktiviti berkumpulan. Mereka juga kurang bekerjasama dan jarang-jarang berkomunikasi dengan rakan. Oleh sebab itu, tidak hairanlah sekiranya komunikasi mereka menyakitkan telinga. Dari aspek yang lain pula, kelemahan ini secara tidak langsung mencerminkan ketidakupayaan pihak yang berkenaan membetulkan keadaan.

Sikap negatif pelajar terhadap aktiviti kokurikulum lebih sukar ditangani apabila terdapat ibu bapa yang beranggapan bahawa aktiviti tersebut membuang masa pelajar. Ibu bapa yang berkenaan hanya mahu anak mereka memberikan tumpuan yang sepenuhnya terhadap pelajaran. Tanpa dorongan ibu bapa, pelajar akan menjadi

serba salah, kecuali pelajar yang benar-benar terserlah dalam sesuatu bidang. Tanggapan ibu bapa yang silap dalam hal ini tidak memungkinkan kokurikulum membantu pelajar meningkatkan kemahiran lisan seperti yang dimatlamatkan.

Di sesetengah sekolah pula, terdapat segelintir pelajar yang agak aktif dalam aktiviti kokurikulum. Pelajar yang sedemikian bijak menggunakan kreativiti mereka untuk melakukan inovasi tertentu yang boleh dianggap menarik dan berfaedah. Oleh sebab kekangan tertentu, guru tidak berkeupayaan atau berkesempatan membimbing pelajar menjalankan aktiviti dengan sewajarnya. Masalah ini mengakibatkan pelajar memainkan peranan masing-masing untuk menjayakan aktiviti yang dirancang. Tanpa pengawasan guru, pelajar akan berkomunikasi sesama mereka dengan menggunakan bahasa "sesedap rasa". Akhirnya, lahir generasi muda yang hanya mampu berkomunikasi dengan menggunakan bahasa kolokial.

Tanpa pengawasan guru yang sewajarnya, pelajar akan menggunakan bahasa ibunda mereka untuk berkomunikasi. Sesetengah pelajar pula lebih selesa menggunakan dialek masing-masing. Oleh sebab terpengaruh dengan penggunaan bahasa masyarakat di persekitaran mereka, pelajar yang berkenaan mahir sekali menggunakan bahasa rojak apabila diminta membuat pembentangan. Jika kemahiran lisan menggunakan bahasa Melayu sebagai matlamatnya, maka aktiviti kokurikulum ternyata tidak berupaya membantu meningkatkan komunikasi pelajar yang berkenaan.

Pelibatan pelajar yang tidak menyeluruh dalam aktiviti kokurikulum menggagalkan usaha pihak yang berkenaan untuk mengeluarkan pelajar yang dapat berbahasa dan berkomunikasi dengan sebaik-baiknya. Di sesetengah sekolah, guru penasihat memilih beberapa orang pelajar yang dipercayai dapat melaksanakan tanggungjawab untuk menjayakan sesuatu aktiviti persatuan. Pelajar yang terpilih akan mendapat bimbingan daripada guru yang berkenaan tentang pelbagai aspek, termasuklah penggunaan bahasa Melayu yang betul untuk berkomunikasi. Pelajar yang tidak terlibat, bebas melakukan aktiviti tersendiri tanpa memikirkan baik buruknya tindakan yang dilakukan oleh mereka. Pendek kata, bagi pelajar yang berkenaan, penyertaan mereka dalam aktiviti kokurikulum tidak menjanjikan sebarang faedah, termasuklah tidak membantu meningkatkan keupayaan mereka berbahasa dan berkomunikasi dengan sebaik-baiknya.



Pelibatan pelajar dalam persembahan seperti boria dapat melatih pelajar menggunakan bahasa yang indah.

SARI BAHASA

Amalan kebanyakan guru yang berkomunikasi dengan menggunakan bahasa rojak juga mempengaruhi pelajar untuk berbuat demikian. Tidak dinafikan bahawa guru Bahasa Melayu mendidik pelajar untuk menggunakan bahasa yang menepati tatabahasa bahasa Melayu. Namun begitu, tatabahasa yang dipelajari seolah-olah untuk tujuan peperiksaan semata-mata. Oleh sebab itulah, setelah tidak lagi berada dalam alam persekolahan, pelbagai kesalahan bahasa telah dikenal pasti berlaku dalam kalangan masyarakat walaupun perkara itu tidak sepatutnya berlaku kerana mereka telah mempelajarinya di sekolah. Ertinya, golongan ini tidak mencuba untuk berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu yang betul seperti yang diharapkan.

Sesetengah pihak beranggapan bahawa kecemerlangan dalam peperiksaan merupakan kejayaan yang mutlak dalam pendidikan. Tanggapan yang sedemikian mengakibatkan kegiatan kokurikulum di sekolah menjadi hambar dan dilakukan sekadar melepaskan batuk di tangga. Maka itu, tidak hairanlah sesetengah pelajar tidak dapat berkomunikasi dengan sebaik-baiknya walaupun memperoleh bilangan A yang banyak dalam peperiksaan. Ringkasnya, tanpa perancangan yang teliti, pelaksanaan aktiviti kokurikulum tidak dapat membantu pelajar menguasai kemahiran lisan seperti yang diuar-uarkan.

Formula untuk menangani kelemahan ini perlu difikirkan. Langkah yang difikirkan wajar termasuklah memberikan penerangan kepada ibu bapa tentang kepentingan aktiviti kokurikulum dalam pembentukan jati diri pelajar. Pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru boleh memainkan peranan tentang hal ini. Dengan memahami perkara ini, ibu bapa dapat memainkan peranan dalam menggalakkan anak-anak mereka berbuat demikian. Usaha ini diharapkan dapat menambahkan bilangan pelajar yang menyertai aktiviti ini secara lebih berkesan.

Pihak guru pula seharusnya diberi peluang untuk menghadiri kursus ataupun bengkel yang berkaitan dengan kokurikulum. Tujuannya adalah untuk menambahkan pengetahuan dan pengalaman serta kemahiran mereka tentang pengendalian aktiviti persatuan atau kelab di sekolah. Melalui perbengkelan, guru dapat bertukar-tukar pandangan selain mendapat sesuatu daripada pengendali atau individu yang berpengalaman. Langkah ini ternyata dapat meningkatkan keyakinan guru

untuk membimbing pelajar melaksanakan aktiviti seperti yang dihasratkan.

Bagi memastikan kemahiran berbahasa dan komunikasi yang berkesan, khususnya dalam bahasa Melayu yang berperaturan, ilmu bahasa yang dipelajari harus diamalkan dalam kehidupan dan bukannya untuk lulus peperiksaan semata-mata. Langkah ini tidak mustahil dapat dilakukan sekiranya adanya kefahaman dan kerjasama daripada semua pihak. Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, setiap individu harus berusaha untuk tidak memperkecil bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Sehubungan dengan itu, kegagalan generasi muda berkomunikasi secara berkesan dalam bahasa kebangsaan tidak harus dibiarkan.

Penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum bukan sahaja dapat menambahkan pengetahuan dan kemahiran berbahasa serta berkomunikasi tetapi juga dapat melahirkan individu yang berdisiplin dan produktif. Pelajar yang aktif dalam aktiviti ini juga dapat membiasakan diri mereka dalam mengamalkan nilai-nilai murni yang amat penting untuk kesejahteraan hidup berkeluarga dan bermasyarakat. Namun begitu, matlamat tersebut tidak mudah untuk dicapai disebabkan oleh pelbagai faktor. Masalah kelemahan komunikasi dalam bahasa kebangsaan yang agak ketara dalam kalangan generasi muda pada hari ini sedikit sebanyak memberikan gambaran bahawa pelaksanaan aktiviti kokurikulum kurang berjaya mencapai matlamatnya. ^{pt}



Pidato menyerlahkan bakat dan menambahkan keyakinan diri